



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



Tatacara Permohonan

- Permohonan secara atas talian melalui laman sesawang **pohon.usm.my**.
- Calon perlu memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas** program pengajian (*Rujuk Syarat Kemasukan*).
- Nombor rujukan permohonan akan dihantar kepada calon melalui emel setelah lengkap proses pendaftaran dan pembayaran wang proses berjumlah **RM60**. Sila layari <https://pohon.usm.my/portal/online>.
- Pilih kategori permohonan mengikut kelayakan akademik calon.
- Muat naik dokumen akademik dan dokumen lain yang berkaitan.
- Semakan permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang **pohon.usm.my**.

PERTANYAAN

Untuk Maklumat Lanjut

Unit Pengambilan Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

☎ 1 300 888 876

☎ 04 - 653 3196 / 3327

☎ 04 - 653 3328

✉ admissions@usm.my

🌐 admission.usm.my | pohon.usm.my

📱 Student Admissions USM

DIPLOMA LANJUTAN KEJURURAWATAN RENAL (ADRN)



SEMAKAN SYARAT



PERMOHONAN



KAMI MEMIMPIN
Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok
www.usm.my



admission.usm.my pohon.usm.my

Pengenalan

Program Diploma Lanjutan Kejururawatan Renal Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan program profesional yang diiktiraf oleh **Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)** dan **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA/FA11710)**. Program ini disediakan untuk membolehkan jururawat yang berkelayakan meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran klinikal mereka dalam bidang kejururawatan renal. Program ini ditawarkan di bawah **Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan** dan terbuka kepada semua jururawat.

Objektif

Menyediakan jururawat renal yang mampu berfungsi dengan berkesan dan cekap dalam menyediakan penjagaan kejururawatan berkualiti tinggi dan pengurusan terkini pesakit dengan kegagalan renal akut dan kronik serta keadaan yang berkaitan.

Tempoh Pengajian

- 1 tahun / 2 semester

Skema Pengajian

Komponen	Semester 1		Semester 2	
	Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Kursus Universiti	DGU201 Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Perbagai Etnik Malaysia	2	DGU101 Kemahiran Berfikir	2
			DGU202 Penghargaan Etika dan Tamadun	2
Kursus Teras	DKR119 Anatomi dan Fisiologi Renal	3	DKR125 Isu Psikososial dan Etika Kejururawatan Renal	3
	DKR120 Mikrobiologi dan Imunologi Renal	3	DKR109 Penyelidikan dan Biostatistik Asas	3
	DKR121 Kepimpinan dan Pengurusan Kejururawatan Renal	2	DKR126 Pengurusan Kejururawatan Lanjutan Pesakit Hemodialisis	3
	DKR122 Pengurusan Gangguan dan Penyakit Renal	4	DKR117 Pengurusan Kejururawatan Pesakit Dialisis Peritoneal	2
	DKR123 Pengurusan Kejururawatan Pesakit Hemodialisis	3	DKR127 Pengurusan Kejururawatan Pesakit Pemindahan Buah Pinggang	2
	DKR124 Praktikum I (Penyakit Renal Kronik dan Hemodialisis)	6	DKR128 Praktikum II (Hemodialisis Lanjutan, Dialisis Peritoneal, dan Pemindahan Buah Pinggang)	6
Jumlah		23		23

Yuran

Yuran	RM
Berulang / Pengajian (per semester)	5,480.00
Tidak Berulang / Pendaftaran	840.00

** Nota: kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak universiti.*

Syarat Kemasukan

Syarat Am

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai dan Lulus mata pelajaran Sejarah

Syarat Khas

Untuk Calon Warganegara Malaysia

- Memiliki Diploma / Sarjana Muda Kejururawatan daripada institusi yang diiktiraf
- Berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia
- Memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC) terkini
- Minimum dua (2) tahun pengalaman kerja klinikal

Untuk Calon Antarabangsa

- Memiliki Diploma / Sarjana Muda Kejururawatan daripada institusi yang diiktiraf
- Berdaftar dengan Lembaga / Badan Kejururawatan negara asal calon
- Memiliki Sijil Amalan Sementara (TPC) terkini dari LJM sebelum penempatan klinikal
- Minimum dua (2) tahun pengalaman kerja klinikal
- Minimum tiga (3) bulan pengalaman kerja klinikal dalam bidang berkaitan (hemodialisis / CAPD / transplan renal)
- Lulus IELTS dengan skor minimum 5.5 / TOEFL dengan skor minimum 515 / 215 / 80

Nota : Calon perlu memenuhi syarat status kesihatan berikut :

1. Semua calon mesti disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan Berdaftar dalam masa satu bulan daripada mengikuti program kejururawatan.
2. Calon tidak dibenarkan mengikuti program kejururawatan jika mempunyai masalah kesihatan berikut :

I. HIV/AIDS

II. Hepatitis B

III. Hepatitis C

IV. Masalah kesihatan mental

V. Epilepsi

VI. Buta warna
3. Calon tidak mempunyai sebarang ketidakupayaan fizikal atau ketidakupayaan deria yang boleh menghalang dalam melakukan kemahiran kejururawatan.

